



KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## KENYATAAN MEDIA

14 DISEMBER 2018 / 6 RABIULAKHIR 1440H

---

### PENAFIAN PROGRAM PENANAMAN LONGAN ANJURAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)

---

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah menerima aduan daripada orang awam berkaitan tindakan sebuah syarikat yang mendakwa sebagai agensi di bawah KPLB dan mempromosikan **Program Penanaman Longan Anjuran KPLB yang dilaksanakan oleh Alpha Mega Enterprise dan Green Tech Plantation.**

KPLB dengan ini memaklumkan bahawa pihak Kementerian **tidak pernah dan tidak akan menganjurkan program penanaman longan** seperti maklumat yang diuar-uarkan. KPLB menasihatkan orang awam untuk membuat laporan polis agar tiada individu lain yang teraniaya atau tertipu.

Sehubungan itu, KPLB mengingatkan orang awam agar sentiasa berwaspada, berhati-hati dan tidak terpedaya dengan sebarang tawaran program atau lain-lain tawaran yang tidak munasabah menggunakan nama KPLB atau Agensi dibawahnya. KPLB juga tidak pernah melantik mana-mana wakil syarikat untuk menerima wang daripada orang awam.

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Tel: 03-8891 5940, Faks: 03-8888 2367  
Emel: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)**